

PABM-VII 2021

**PERSIDANGAN
ANTARABANGSA** | **MEMARTABATKAN
BAHASA
MELAYU** 2021

ANJURAN



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

DENGAN KERJASAMA

13 & 14 SEPTEMBER 2021

<https://pabmvii2021.wixsite.com/pabmvii2021>

UNI IBNU HALDUN (HIBRID)

**MEMARTABATKAN
BAHASA
MELAYU**



PERSATUAN PENDIDIK BAHASA
DAN SASTERA MELAYU SEDUNIA



e ISBN 978-967-2851-50-9



Persidangan Antarabangsa PABM (7 : 2021 : Perak)
PERSIDANGAN ANTARABANGSA PABM-VII 2021: MEMARTABATKAN
BAHASA MELAYU, 13-14 SEPTEMBER 2021, UNI IBNU KHALDUN (HIBRID) /
Penyusun Prof. Madya Dr. Norliza binti Jamaluddin, Dr. Nordiana binti Hamzah, Dr.
Norfaizah binti Abdul Jobar, Dr. Alizah binti Lambri, Dr. Rosliah Kitting,
En. Mohd. Ra'in bin Shaari. Mode of
access: Internet eISBN 978-967-2851-50-9

1. Malay language--Congresses.
2. Government publications--Malaysia.
3. Electronic books.

I. Norliza Jamaluddin, Prof. Madya Dr. II. Nordiana Hamzah, Dr.
III. Norfaizah Abdul Jobar, Dr. IV. Alizah Lambri, Dr.
V. Rosliah Kitting, Dr. VI. Mohd. Ra'in Shaari.
VII. Judul.
499.23

ISI KANDUNGAN

- 1. Peranan Persatuan Sastra Dan Badan Budaya Dalam Perkembangan Sastra Dan Budaya Di Negeri Terengganu** 1-11
A. Halim Ali, Siti Nor Amalina Ahmad Tajuddin
- 2. Pendidikan Bahasa Melayu Wadah Pembangunan Jati Diri Bangsa** 12-22
Abdul Rasid bin Jamian, Rosmaria binti Omar, Norfaizah Abdul Jobar, Mohd Rashid bin Md Idris, Ariff bin Mohamed, Azhar bin Wahid
- 3. Analisis Makna Dalam Cerpen Kaduk, Ayam Dan Raja Berdasarkan Maksim Kesantunan Leech** 23-31
Abdullah bin Yusof, Razilah binti Rabiul
- 4. Keberkesanan Signifikan Sistem Pentaksiran Alternatif Berasaskan Aplikasi Android Untuk Pengajaran Penulisan Karangan Fakta** 32-37
Adenan Ayob, Mohd Ra'in Shaari
- 5. Ayat Kawalan Bahasa Melayu: Penelitian Awal Berpandukan Kerangka Minimalis** 38-47
Ahmad Syafiq Amir Abdullah Zawawi, Mohamad NorTaufiq NorHashim, Md Zahril Nizam Md Yusoff, Darwalis Sazan
- 6. Analisis Teori Rashid dari Perspektif Akhlak** 48-55
Ahmad Syafiq Mat Arisah, Mohd Rashid Md Idris
- 7. Analisis Penerapan Elemen Falsafah Bahasa dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan Empat** 56-64
Aini Shahirah Mohd Sharani, Mohd Rashid Md Idris
- 8. Pembelajaran Berasaskan Projek Menggunakan Konsep Produksi Teater Dalam Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif** 65-73
Amir Zahari, Syarul Azlina Sikandar
- 9. Nilai Adab Kepada Allah dalam Novel Nggusu Waru yang Tersisa Karya N. Marewo Berdasarkan Pendidikan Adab Menurut Al Ghazali** 74-80
Baharudin, Nordiana Binti Hamzah
- 10. Unsur Sociolinguistik Dalam Pengajaran Bahasa Melayu** 81-84
Dahlia Janan, Husna Faredza Mohamed Redzwan, Anida Saruddin, Siti Saniah Abu Bakar

11. **Terapi Pandemik Dengan Kearifan Lokal Tunjuk Ajar Melayu** 85-97
Dian Cita Sari, Makmur Haji Harun
12. **Wajah Pantun Dalam Nyanyian Rakyat Masyarakat Brunei di Sabah** 98-106
Dk Mastura binti Pg Ismail
13. **Tahap Penguasaan Komponen Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Kebangsaan Di Malaysia** 107-120
Ezwafahmey bin Ahmad Kusaini, Zamri bin Mahamod, Wan Muna Ruzanna binti Wan Mohammad
14. **Unsur Eufemisme Dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif** 121-136
Fikratul Jahriyyah Binti Anuar, Julaina Binti Nopiah
15. **Penggabungan Pendekatan Semantik Inkuisitif Dengan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran-Pembelajaran Bahan Seni Bahasa** 137-146
George Romiko Bujang, Mary Fatimah Subet
16. **Cabaran dan Motivasi Pelajar Tingkatan Enam Atas Terhadap Pelaksanaan PdPr Bahasa Melayu Secara dalam Talian** 147-156
Halimah Jamil
17. **Komunikasi Berkesan Berasaskan Kesantunan Berbahasa dalam Genre Filem 3D Kartun Animasi Menerusi Pendekatan Sosiopragmatik** 157-165
Husna Faredza Mohamed Redzwan, Prema Latha a/p Ramasamy, Khairul Azam Bahari, Anida Sarudin, Zulkifli Osman
18. **Penelitian Teori Falsafah Bahasa dan TMK dalam Pengajaran Bahasa Melayu di SJK Tamil, Kompleks Sekolah Wawasan Subang Jaya** 166-174
Johnson A/L A. Mathalamuthu, Mohd Rashid Md Idris
19. **Kepercayaan Terhadap Perubatan Tradisional Berdasarkan Adat Dan Budaya Tradisi Masyarakat Kadazandusun** 175-180
Julita Norjietta binti Taisin, Tajip bin Tassan
20. **Analisis Punca Kelemahan Penguasaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Bahasa Kedua** 181-189
Khairul Madihah Mansor, Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Norazimah Zakaria

21. **Inovasi Sistem Pengkayaan Seni Khat Gaya Malaysia Dan Turki: Pendekatan Melalui Multimedia** 190-204
Makmur Haji Harun, Sitti Rachmawati Yahya
22. **Hikayat Pandawa Lebur Mss 737: Satu Kajian Perbandingan Sistem Ejaan Jawi** 205-214
Maria Binti Tahir, Suhasni Bin Dollah, Hj. Patarai Bin Cholen
23. **Unsur Proses dalam Penghasilan Ayat melalui Karya Hikayat Abdullah (1849)** 215-225
Md Zahril Nizam Bin Md Yusoff, Muhamad Fadzllah Bin Hj Zaini, Noor Zuhidayah Binti Muhd Zulkifli, Puteri Zarina binti Megat Khalid
24. **Analisis Kesalahan Tatabahasa Dalam Pertuturan Guru Pelatih Semasa Pengajaran Bahasa Melayu** 226-236
Minah Sintian
25. **Analisis Aplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Penulisan Pendahuluan Karangan Bahasa Melayu** 237-251
Mohd Khairul Nizam Hamat@Mat Roni, Norfaizah Abdul Jobar, Nor Afizah Muhamed, Abdul Rahim Ghazali, Khairul Azhar Mohd Zahari
26. **Penyerlahan Kandungan Kearifan Tempatan Kesenian Tradisi Gambus Padang Changkat: Analisis Karya Seni Dan Bahasa Melayu** 252-262
Mohd Rafi Jafranee
27. **Revisi Gagasan Teori Falsafah Bahasa (Teori Rashid) dan Penyebarannya Selama 11 Tahun (2010-2021)** 263-274
Mohd Rashid Md Idris
28. **Pendidikan Jimat Cermat dalam Pantun** 275-282
Mohd Rosli Saludin
29. **Pola Partikel Wacana Lah Dalam Terjemahan Surah Yasin** 283-294
Mohd Sufian Bin Ismail, Anida Binti Sarudin
30. **Domain Penggunaan Bahasa Jakun: Satu Analisis Domain Fishman (1972)** 295-316
Mohamad Rozi Bin Kasim
31. **Signifikan Semasa Terhadap Penyelidikan Metafora Buku Teks Dalam Kalangan Penulis Pengajian Tinggi: Analisis Bibliometrik** 317-327

Muhamad Fadzllah Zaini, Md. Zahril Nizam Md. Yusoff, Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli, Zabedah Mohammed

- 32. Estetika Rasa Dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif** 328-342
Muhammad Bin Ahmad Fadzil, Julaina Binti Nopiah
- 33. Persepsi Guru-Guru Bahasa Melayu Di SJK Port Dickson, Negeri Sembilan Terhadap Penguasaan Kemahiran Lisan Bahasa Melayu Sepanjang Pandemik COVID-19** 343-358
Nora'Azian Nahar, Nurul Jamilah Rosly
- 34. Penguasaan Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Menerusi Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) dalam Kalangan Murid Pemulihan** 359-376
Nor Afza bt Harun, Alizah bt Lambri, Norul Haida bt Reduzan
- 35. Aplikasi Pengajaran Simpulan Bahasa Berdasarkan Pemahaman Integrasi Metafora** 377-389
Nor Asiah Ismail, Anida Sarudin
- 36. Pemikiran Kerohanian Golongan Remaja dalam Novel KOMSAS Berdasarkan Pemikiran Pengarang** 390-402
Noraini Binti Ibrahim, Hasrina Binti Baharum
- 37. Analisis Metafungsi Interpersonal dalam Ujaran Guru Bahasa Melayu** 403-415
Norazimah Mohd Nawawi @ Mohd Daud, Norliza Jamaluddin
- 38. Kajian Awal Sumbangan Bukhari Lubis dalam Peristilahan Bahasa dan Sastera** 416-422
Norazimah binti Zakaria, Mazarul Hasan bin Mohamad Hanapi, Zarima binti Zakaria
- 39. Trend Penggunaan Platform Pembelajaran Berasaskan Real Time WEB 2.0 Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa: Sorotan Kajian Bersistematik** 423-435
Nor Hadibah Hushaini, Zulkifli Osman
- 40. Theme Formation In Scientific Texts** 436-441
Nor Hazila Mat Lazim, Idris Aman, Muhamad Fadzllah Zaini
- 41. Pendekatan Media Multimodaliti Dalam Pengajaran Karangan Bahasa Melayu Sekolah Menengah** 442-452
Nor Hazwani binti A Huzaimi, Zuraini Ramli

ESTETIKA RASA DALAM PERIBAHASA MELAYU: ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF

MUHAMMAD BIN AHMAD FADZIL^{1*}
JULAINA BINTI NOPIAH²

muhammadf.works@gmail.com

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)^{1,2}

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mencungkil falsafah dan juga akal budi Melayu yang tersirat dalam peribahasa berunsurkan rasa. Dalam kajian ini, sebanyak tiga unsur rasa yang telah dipilih, iaitu rasa kasih, rasa gembira dan rasa duka. Data peribahasa Melayu dikumpulkan daripada pangkalan data www.malaycivilization.com.my dan Kamus Istimewa Peribahasa Melayu. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) dan semantik inkuisitif dalam penganalisan data. Data yang diperolehi telah diperkukuh dengan hasil janaan data korpus dan imej binaan yang menunjukkan persamaan antara konsep yang dibawa dengan elemen pemaknaan dalam peribahasa yang dipilih. Dapatan kajian menunjukkan perlambangan objek, flora dan fauna dalam peribahasa Melayu yang berunsurkan rasa berfungsi sebagai kekuatan dalam meluahkan rasa di samping mempunyai hubungan erat antara alam dan kehidupan masyarakat Melayu. Setiap objek perlambangan yang bersifat konkrit dalam peribahasa telah diterjemahkan melalui imej pemaknaan yang bersifat abstrak melalui emosi dan perasaan. Bukan itu sahaja, hasil kajian juga membuktikan bahawa kewujudan peribahasa Melayu bukan hanya mengambil sifat abstrak, analogi dan konsepsi daripada objek sekeliling, malah merupakan satu falsafah ilmu atau akal budi yang dijadikan amalan dalam masyarakat Melayu yang dipindahkan dalam ungkapan yang berbentuk peribahasa. Secara keseluruhannya, kajian ini dapat menunjukkan bahawa pendekatan semantik inkuisitif yang digunakan sudah begitu ampuh bagi meneliti falsafah dan akal budi Melayu.

Kata Kunci: Peribahasa Melayu; Rasa; Akal Budi Melayu; Semantik Inkuisitif; Rangka Rujuk Silang.

PENGENALAN

Bahasa merupakan salah satu medium utama dalam interaksi komunikasi kehidupan bermasyarakat. Masyarakat Melayu sangat mementingkan kesopanan, kesantunan, tatatertib serta nilai dalam berbahasa. Kenyataan ini juga disokong oleh Junaini Kasdan dan Hashimah Jalaluddin et. al (2016) menyatakan bahasa ialah satu cerminan penuturnya daripada pelbagai aspek yang menyeluruh. Hatta dalam komunikasi sekalipun masyarakat Melayu masih mengambil kira aspek adab dan kesantunan. Semakin banyak pengaplikasian aspek santun dan budi pekerti yang digunakan dalam sesuatu komunikasi, semakin tinggi tahap kesantunan dan budi pekerti penutur. Perkara ini disesuaikan dengan sifat peribadi masyarakat Melayu yang sangat terkenal dengan bersopan santun, berbudi bahasa serta lemah lembut.

Bahasa juga sentiasa berkembang mengikut perkembangan waktu dan zaman namun perlu disesuaikan dengan keadaan persekitaran penuturnya. Bukti kepada perkembangan bahasa khususnya bahasa Melayu dapat dilihat melalui perbezaan umum antara prosa klasik dan prosa moden zaman kini. Perbezaan antara kedua-dua prosa ini berlaku kerana keperluan masyarakat dan penutur menyatakan ideologi dan pemikiran mereka dengan corak yang berbeza. Salah satu prosa klasik yang terkenal ialah peribahasa Melayu. Peribahasa dalam budaya kehidupan Melayu merupakan salah satu bidang kemasyhuran bahasa turun temurun oleh bangsa Melayu kerana setiap patah perkataan memberikan makna, petunjuk dan nilai yang tinggi. Hal ini selari dengan penyataan Za'ba (1965) yang menyatakan:

‘...segala susunan cakap pendek yang telah melekat di mulut orang ramai sejak beberapa lama oleh sebab sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya-dipakai akan dia jadi sebutan-sebutan oleh orang sebagai bandingan, teladan dan pengajaran.’

Peribahasa Melayu mempunyai fungsi yang tersendiri dan istimewa kerana peribahasa bukan sahaja memperkaya perbendaharaan bahasa, namun fungsi peribahasa jauh lebih penting daripada itu kerana peribahasa menurut Awang Sariyan (2012) mampu menggambarkan pegangan hidup, sikap dan jati diri penutur bahasa tersebut. Masyarakat Melayu mengaplikasikan peribahasa untuk memberikan teguran, nasihat dan maklumat. Susunan rangkap kata dan ayat yang disusun indah bertujuan untuk memuji, sebagai sindiran dan sebagai teguran yang paling halus demi menjaga air muka dan maruah individu tersebut.

PENKKAJIAN PERIBAHASA

Prosa klasik semakin tidak diminati oleh generasi milenia kini. Dapatan kajian oleh Nor Hashimah dan Junaini (2010), mendapati bahawa lebih daripada 50 peratus remaja Malaysia tidak dapat mengetahui dengan baik tentang peribahasa. Mereka gagal memberikan makna sebenar terhadap peribahasa yang diberikan seperti falsafah hidup, persepsi, dan sebagainya (Ahmad Mahmood *et al.*, 2011). Senario ini terjadi hasil daripada pandangan dan stigma bahasa peribahasa merupakan suatu bahasa yang hanya digunakan oleh generasi tua di dalam upacara adat tertentu (Djamaris, 1985). Namun, penelitian terhadap ilmu peribahasa ini sebenarnya sudah banyak dilakukan kajian sebagai bahasa kiasan sama ada oleh pengkaji dalam negara dan luar negara. Menerusi kajian ini juga, pengkaji membahagikan kajian lepas kepada tiga cabang, iaitu kajian yang berbentuk pengumpulan atau harfiah, kajian kognitif, serta kajian yang menghimpunkan falsafah dan akal budi Melayu sebagai dasar kajian.

Kajian yang bersifat pengumpulan dan pemaknaan secara harfiah telah dilakukan oleh pernah dilakukan oleh Abdullah Hassan (1993) dan Nathesan (1998). Kajian mereka ini telah melakukan pengelompokan peribahasa sebagai kajian asas kerana kajian ini hanya melihat makna peribahasa secara harfiah sahaja. Selain itu, kajian mereka tertakluk dalam bidang kajian secara harfiah sahaja kerana makna peribahasa dihuraikan tanpa menggunakan sebarang teori dan langkah tertentu. Dalam kajian jenis ini, pengkaji hanya mengklasifikasikan peribahasa, menumpukan aspek makna yang merangkumi domain makna, serta jenis makna dalam peribahasa. Meskipun begitu, kajian yang dilakukan oleh Charteris Black (2000), Imran Ho (2011), Zaitul Azma Zainon & Ahmad Fuad (2011), Rogayah Othman (2011) dan Hasmidar Hassan & Jafizah Jaafar (2016) memberikan satu tahap kemajuan dalam bidang semantik kerana berjaya mengkaji kognitif masyarakat Melayu serta meneliti hubungan bahasa, makna dan gaya fikir.

Matlamat kajian yang dilakukan oleh Hassan Ahmad (2003) dan Nor Hashimah (2014) sangat berbeza dengan konsep kajian sebelum ini kerana kajian Hassan Ahmad (2003) dan Nor Hashimah (2014) melihat kepada kajian kognitif serta menggabungkan kaedah akal budi dalam kajian mereka. Hassan Ahmad (2003) berjaya menerangkan konsep 'kaki' yang digunakan sebagai perlambangan kepada simbol (kekuatan) yang memberikan satu indikator yang lebih baik terhadap kajian peringkat kognitif seperti yang dilakukan oleh Charteris- Black (2000). Black menjelaskan bahawa perlambangan 'kaki' bagi masyarakat Melayu memberikan konotasi dan maksud yang bersifat negatif. Pemerhatian Black yang menggunakan maklumat daripada data korpus dan hanya sedikit penerangan daripada penutur jati memberikan maksud 'kaki' yang tidak tepat kerana penjelasan makna 'kaki' tersebut terhenti di peringkat kognitif sahaja.

Kegagalan kajian tersebut, seterusnya telah menunjukkan bahawa semantik kognitif juga gagal mencapai tafsiran makna tahap tertinggi sehingga membawa kepada tafsiran akal budi Melayu. Ekorandari pada kelompangan ini, Nor Hashimah (2014) dan Julaina *et. al* (2017) telah menambah satu lagi tahap dalam penghuraian makna dalam bidang semantik, iaitu melalui pendekatan inkuisitif yang berjaya menjawab setiap persoalan yang wujud, serta mampu menerobos sehingga ke peringkat falsafah dan akal budi. Kajian ini secara umumnya bertujuan mengukuhkan kajian semantik inkuisitif dan seterusnya berusaha melihat kehebatan masyarakat Melayu pada masa lalu, yang bijak mencatur perkataan sehingga terbentuknya peribahasa yang mengandungi pelbagai falsafah dan akal budi yang tersembunyi seandainya diamati dengan teliti. Secara khusus, kajian ini bertujuan mencungkil falsafah dan juga akal budi Melayu yang tersirat dalam peribahasa berunsurkan rasa. Justeru, sebanyak tiga unsur rasa yang akan difokuskan dalam kajian ini, iaitu rasa kasih, rasa gembira dan rasa duka.

SEMANTIK INKUISITIF DAN KONSEP RASA

Semantik adalah satu daripada cabang disiplin ilmu dalam linguistik Melayu dan merupakan bidang yang spesifik dan khusus untuk mengkaji tentang makna. Berdasarkan pendekatan London Wilson (1986) menerusi Hashimah (1992) semantik ialah ilmu yang mengkaji makna menggunakan konteks ayat dan perkataan serta terdapat banyak ciri-ciri makna yang memerlukan konteks sesuatu frasa supaya dapat memberikan tafsiran lanjut dan makna tersirat. Ilmu semantik terbahagi kepada dua bahagian yang terkenal, iaitu semantik skrip dan semantik kognitif. Semantik skrip hanya tertumpu kepada informasi yang ada dalam sesuatu ayat untuk memberikan makna yang jelas tanpa memerlukan kepada sebarang penelitian dan kajian yang khusus. Di samping itu, semantik kognitif adalah satu bidang yang berteraskan kognisi penutur dan sangat menitikberatkan pengalaman dan alam semulajadi.

Konsep rasa banyak menjadi bahan kajian dan menjadi antara rujukan utama kajian dalam pelbagai bidang sains kemanusiaan. Dalam disiplin ilmu tersebut, perbincangan dan analisis tentang rasa banyak merujuk kepada pengalaman manusia. Contoh kajian daripada Rahmatullah (2017) dalam kertas kerja kajian beliau yang bertajuk “Konsepsi Pendidikan Kasih Sayang dan Kontribusinya Terhadap Bangunan Psikologi Pendidikan Islam” telah memfokuskan tentang kepentingan rasa kasih dan sayang di dalam pendidikan. Dalam kajian ini, Rahmatullah (2017) menyenaraikan tujuh prinsip utama dalam pendidikan kasih sayang.

Manakala kajian daripada Azaha Ibrahim dan Abu Hassan Hasbullah (2015) dalam kajian mereka yang bertajuk “Estetika Rasa Dalam Filem Arahkan Dan Lakon Oleh P. Ramlee: Analisis Terhadap Filem Penarek Beca 1955” melihat hubungan antara estetika dan rasa masyarakat awam dalam filem dan lakonan pertama oleh P. Ramlee, iaitu *Penarek Beca* pada tahun 1955. Kajian ini memaparkan perhubungan kepelbagaian rasa di dalam pelbagai tingkat & lapisan masyarakat kerana terdapat hubungan jurang sosial masyarakat dan sosiologi yang mempengaruhi perasaan mereka.

Putri Oktarilla dan Antonius et. al (2019) dalam kajian mereka yang bertajuk “Emosi Tokoh Dalam Novel Aku, Benci, Dan Cinta Karya Wulanfadi Tinjauan Psikologi Sastra” di Program Studi Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia FKIP Untan Pontianak telah memfokuskan kajian mereka kepada mengetahui dan menentukan rasa dan perasaan di dalam watak novel “Aku, Benci, dan Cinta oleh Wulanfadi (2015). Dapatan kajian mendapati terdapat dua domain emosi yang utama, iaitu emosi positif dan emosi negatif di dalam bentuk petikan dan ayat novel “Aku, Benci, Dan Cinta”. Kemudiannya emosi yang dikenal pasti berdasarkan analisis kajian akan dikumpulkan mengikut domain emosi positif dan negatif.

Meskipun demikian, kumpulan rasa yang dibicarakan dikelompokkan kepada kategori emosi positif seperti rasa gembira, rasa bangga serta rasa wira manakala kategori emosi negatif seperti rasa marah, rasa sedih, dan rasa dendam. Keteraturan makna emosi dalam bahasa Melayu dan kesannya kepada adat dan budaya masyarakat Melayu dilihat akan mencerminkan akal budi Melayu. Perbincangan tentang emosi mampu memberikan gambaran utama budaya dan pemikiran sesuatu masyarakat.

OBJEKTIF KAJIAN


Tujuan kajian meliputi perkara-perkara yang hendak dicapai atau dilaksanakan dalam sesuatu projek pengkajian. Oleh itu, dalam kajian ini penulis menggariskan tiga objektif utama, iaitu:

1. Mengenal pasti dan mengklasifikasikan peribahasa yang berkaitan dengan rasa gembira, sedih dan kasih.
2. Menganalisis makna peribahasa yang berunsurkan rasa gembira, sedih dan kasih menggunakan kaedah semantik inkuisitif.
3. Menghuraikan akal budi Melayu dan falsafah yang terkandung di dalam peribahasa yang berunsurkan dengan rasa gembira, sedih dan kasih.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah kajian yang bersesuaian untuk menganalisis data kajian. Oleh itu, kajian ini banyak menggunakan maklumat, memberikan huraian, interpretasi atau makna terhadap data kajian. Pengumpulan dan bentuk data bagi reka bentuk kajian ini bertumpukan kepada pemerhatian dan analisis dokumen. Kaedah pengumpulan data bagi kertas kerja ini yang digunakan untuk mendapatkan data dan sampel kajian peribahasa yang mempunyai unsur rasa gembira, rasa sedih, dan rasa kasih, iaitu menggunakan kaedah kepustakaan dan metode analisis teks.

Data kajian yang dikumpulkan serta dikategorikan berdasarkan unsur rasa akan dianalisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Kemudian, data tersebut akan dikaitkan dengan falsafah akal budi penuturnya. Data dan sampel kajian akan dianalisis dan dihuraikan menggunakan rangka rujuk silang (RRS) yang bertujuan kepada pengukuhan teori relevans, Kempson (1986). Imej binaan turut digunakan dalam kajian ini bagi menghuraikan data kajian pada peringkat semantik kognitif. Rajah di bawah akan menerangkan aliran yang berkaitan tahap-tahap yang dilalui untuk diaplikasikan dalam kaedah penganalisan data kajian menggunakan pendekatan semantik inkuisitif.



Rajah 1: Carta Alir Semantik Inkuisitif

PERBINCANGAN

Selepas proses pengenalpastian dan pengkategorian data kajian dilakukan, pengkaji akan membataskan hanya kepada empat peribahasa terpilih bagi setiap rasa daripada taburan data kajian, iaitu rasa kasih, rasa gembira, dan rasa sedih. Kemudian, pengkaji akan menganalisis satu sahaja peribahasa Melayu berunsurkan rasa yang khusus menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Berikut ialah jadual peribahasa berunsurkan rasa berserta maksud peribahasa bagi menjawab objektif pertama kajian ini, iaitu mengenal pasti dan mengklasifikasikan peribahasa yang berkaitan dengan rasa gembira, sedih, dan kasih.

Jadual 1: Peribahasa Berunsurkan Rasa Gembira

Peribahasa	Maksud	Rasa
Bagai mendapat gunung intan	Sangat gembira	Gembira
Seperti emak mandul baru beranak	Sangat gembira kerana mendapat apa yang diidamkan	Gembira
Kembang hati	Orang yang gembira	Gembira
Seperti itik mendapat air	Orang yang gembira kerana mendapat apa yang dihajatnya	Gembira


ANALISIS TAHAP 1

Berdasarkan jadual 1, secara harfiahnya, peribahasa '*bagai mendapat gunung intan*' membawa maksud 'orang yang sangat gembira. Peribahasa ini selain menggunakan kombinasi objek 'gunung' dan 'intan' sebagai perlambangan, kombinasi kedua-dua objek ini turut menunjukkan perbandingan yang mampu menggembirakan orang yang memilikinya. Secara mudahnya, boleh dikatakan, peribahasa ini dizahirkan daripada pemilikan individu yang memiliki objek tersebut. Intan yang digambarkan sebagai mempunyai nilai yang tinggi mampu merefleksikan individu yang memilikinya.

ANALISIS TAHAP 2

Terdapat beberapa proses kognitif yang memotivasikan leksikal gunung dalam peribahasa tersebut. Penilaian terhadap gunung itu sendiri dianggap sangat sinonim dengan geografi tanah Melayu dan Malaysia. Hal ini dapat dilihat kepada bilangan gunung yang lebih daripada 250 gunung di Malaysia. Gunung juga merupakan salah satu anugerah alam semula jadi yang mempunyai binaan yang sangat kukuh dan besar sehingga mampu melindungi tanah Melayu dan Malaysia daripada sebarang cuaca buruk dan bencana alam. Habitat flora dan fauna di sekitar gunung juga kaya dengan pelbagai biodiversiti kehidupan. Dalam hal ini, leksikal gunung dalam peribahasa tersebut telah mengkonsepsi makna pemilikan sesuatu perkara secara menyeluruh. Jika dikaji dengan lebih mendalam, gunung dalam pepatah Melayu juga dikaitkan dengan harta yang membawa makna pemilikan manusia kepada sesuatu perkara. Maka, tidak hairanlah jika seseorang yang memiliki gunung atau hutan untuk ditebang atau sebarang aktiviti pembalakan, diibaratkan sebagai individu yang memiliki sesuatu perkara yang sangat banyak dan menyeluruh dari sudut pandang harta dan kemewahan. Oleh hal yang demikian, gunung dalam peribahasa ini telah diabstrakkan dan dikonsepsikan sebagai orang yang memiliki sesuatu perkara secara menyeluruh.

Seterusnya, leksikal intan merujuk kepada kumpulan batu yang mempunyai nilai yang sangat tinggi serta sering dijadikan sebagai perhiasan wanita dan lambang kekayaan. Hal ini dapat dilihat melalui perbezaan status sosial masyarakat yang mempunyai intan dan tidak mempunyai intan. Ciri fizikal intan yang ketara ialah daya kekerasan intan yang sangat tinggi, berwarna putih atau jernih, dan mempunyai tahap takat lebur yang sangat tinggi sehingga mencecah sekitar 4,027° Celsius. Hal ini kerana, intan mempunyai ikatan kovalen yang sangat kuat. Maka, tidak hairanlah jika intan mempunyai nilai yang sangat tinggi. Oleh sebab itu, intan dalam peribahasa ini telah dikonsepsikan sebagai suatu nikmat mahupun kegembiraan. Rajah di bawah merupakan gambaran yang lebih jelas tentang proses yang memotivasikan kognitif masyarakat Melayu terhadap penciptaan peribahasa ini.



Rajah 2: Imej Binaan Peribahasa berunsurkan rasa gembira

Pembuktian linguistik yang ditemui melalui data korpus, turut menyerlahkan penggunaan kombinasi gunung dan intan yang berunsurkan rasa gembira. Berikut merupakan contoh data korpus bagi peribahasa yang berlambangkan ‘gunung’ dan ‘intan’ yang menunjukkan perasaan gembira sebagai teras maknanya.

.....hendak dizahirkan dengan yang terang, takut tiada diterima orang. Sekarang sudah disebut sultan, hati muda hilanglah rantan, penyakit pun tiada berlaratan, perasaan mendapat gunung intan. Dan berkata pula Upu Daing Parani kepada Upu Daing Marewah dan kepada Upu Daing Cellak dan kepada Upu Daing Kamase, "Maka siapa-siapa lagi adinda yang.....

(*Salasilah Melayu Bugis, Fajar Bakti, 1984*)

Pengaplikasian Rangka Rujuk Silang (RRS) dalam data korpus bertujuan mengukuhkan dan memberikan perspektif kognitif penutur kepada peribahasa *bagai mendapat gunung intan* yang merujuk kepada individu yang sangat gembira setelah mendapat sesuatu nikmat yang dihajatnya. Berdasarkan data korpus, frasa “Sekarang sudah disebut sultan” merujuk kepada kegembiraan pegawai istana apabila Sultan memperakui kewujudan mereka dan perkara tersebut dianggap sebagai suatu nikmat dan perkara yang mengembirakan bagi pegawai istana. Hal ini ditambah dengan premis tambahan yang menjelaskan makna peribahasa. Ayat yang menyatakan “penyakit pun tiada berlaratan” menguatkan lagi perasaan gembira yang dialami oleh pegawai istana tersebut setelah namanya disebut oleh Sultan.

ANALISIS TAHAP 3

Pada tahap ketiga ini, peribahasa ini memerlukan tafsiran mata hati agar pengkaji dapat memahami akal budi penutur Melayu. Jika dilihat fungsi gunung pada zaman dahulu, gunung merupakan tempat bagi orang Melayu mencari rezeki kerana di gunung, kaya dengan pelbagai flora dan fauna yang memberikan manfaat serta kelebihan kepada masyarakat Melayu zaman dahulu. Walaupun masyarakat Melayu dahulu menetap jauh dari gunung-ganang kerana mereka lebih memilih untuk menetap berhampiran dengan kawasan sungai dan laut, namun gunung juga menjadi sumber makanan dan ubatan masyarakat Melayu. Penjelasan ini sudah memberikan gambaran pemilihan leksikal gunung yang dilambangkan kepada pemilikan penuh kerana secara harfiahnya jelas gunung merupakan sumber kekayaan dua elemen terpenting manusia, iaitu flora dan fauna.

Namun, penjelasan ini tidak mampu menghuraikan akal budi Melayu terhadap perlambangan gunung dan di sinilah pengkaji menggunakan pendekatan semantik inkuisitif bagi memahami akal budi dan budaya penutur. Pengkaji menyoroti perkembangan tamadun masyarakat Melayu dan mendapati masyarakat Melayu zaman dahulu terbahagi kepada dua zaman, iaitu zaman pra Islam dan zaman pasca Islam. Pada zaman pra Islam, gunung merupakan salah satu perlambangan kepada unsur tanah dan terdapat empat unsur-unsur alam, iaitu tanah, air, api, dan angin. Masyarakat Melayu zaman pra Islam menganggap bahawa unsur tanah yang membawa maksud unsur yang dominan terhadap alam dan persekitaran bumi. Perkara ini turut dirakam dalam kisah *Salasilah Raja-Raja di Negeri Kutai* (1981) yang menyatakan bahawa gunung adalah unsur tanah yang menyatakan semua unsur alam ini memerlukan satu ikatan bagi membentuk kesatuan yang harmoni antara alam semesta dan ini merupakan syarat utama kepada kesejahteraan manusia di muka bumi. Namun berbeza pula pada masyarakat Melayu zaman Pasca Islam yang menggunakan gunung sebagai panduan untuk merantau dari pelbagai daerah atau tanah seberang kepulauan Melayu ke semenanjung tanah Melayu namun masyarakat Melayu juga terikat dengan pelbagai pantang larang, kisah klasik, mitos, dan cerita-cerita mistik berkaitan gunung dan pelbagai sumpahan dan perkara ini membuktikan bahawa gunung tidak terhad kepada pemilikan flora dan fauna sahaja

Gunung secara alamiahnya berfungsi sebagai pasak bumi. Dari segi penjelasan saintifiknya, gunung ialah kumpulan batu-bata yang sangat besar dan terhasil daripada lapisan bumi. Menurut Van Zuidam (1985), ketinggian gunung adalah pada purata 500 – 1000 meter dan terbahagi kepada dua, iaitu gunung berapi dan gunung lipatan. Jika diteliti pembentukan gunung yang ada pada zaman sekarang, proses ini bermula kira-kira 250 juta tahun yang lalu melalui pergerakan dan pergolakan lapisan mantel kerak bumi dan proses kejadian ini disebut sebagai *orogenesis*. Proses ini adalah hasil tekanan daripada pergerakan dua lapisan kerak luar bumi yang bergerak dari arah berbeza yang menyebabkan penebalan dan perubahan bentuk kerak bumi dan memaksa lapisan kerak bumi melengkung ke atas dan keluar dari tanah ke atas untuk membentuk gunung lipatan.

Fungsi gunung dari perspektif sains dan agama Islam tidak berbeza dan menyebabkan falsafah dan pemahaman akal budi Melayu terhadap peribahasa ini tiada perbezaan yang ketara. Gunung yang bertindak sebagai pasak bumi yang akan menyeimbangkan flora di bumi daripada mengalami sebarang gegaran. Struktur gunung-ganang yang mirip seperti paku melekat di bawah bumi kerana gunung-ganang ini mempunyai struktur yang tebal di bahagian lapisan bawah bumi dan memancang sehingga kerak dan dasar mantel bumi. Fenomena ini menyebabkan bumi stabil dan tidak mengalami sebarang gegaran. Kenyataan ini disokong oleh hadis daripada Nabi Muhammad SAW yang bermaksud

Sebaik sahaja Allah telah menciptakan bumi, bumi bergoyang, Allah kemudian segera menciptakan gunung-gunung itu: "Jadilah dan menetaplah di atasnya, bumi pun menjadi tenang"

(HR Imam Tirmizi dan Ahmad)

Jelas daripada hadis tersebut bahawa fungsi gunung yang telah diperintahkan oleh Allah sebagai pasak yang akan menyeimbangkan kehidupan di bumi dan untuk mengelak gegaran di bumi. Secara literalnya, ayat tersebut menyatakan gunung-ganang akan menggenggam segala lapisan kerak bumi ibarat paku yang panjang daripada atas ke bawah permukaan bumi dan menghubungkan segala lapisan kerak dan dasar mantel bumi. Secara analogi mudah yang dapat dibina adalah, apabila terdapat lima lapisan kayu yang berbeza dan bertindih antara satu sama lain kemudiannya dipakukan kesemua lapisan kayu tersebut.

Seterusnya, pengkaji ingin melihat pula akal budi Melayu terhadap perlambangan intan kepada nikmat dan kegembiraan. Daripada aspek saintifik, proses pembuatan intan mengambil masa yang sangat lama kira-kira satu sehingga tiga juta tahun. Intan merupakan hasil daripada unsur karbon yang terhasil daripada flora dan fauna di bumi seperti fosil tulang binatang, tumbuhan, batu, dan manusia yang diserap ke lapisan bawah bumi dan mengalami proses pemanasan suhu dan tekanan yang sangat tinggi di lapisan kerak bumi. Proses pembuatan intan ini biasanya terbentuk dan ditemui kira-kira 150 kilometer di bawah lapisan permukaan bumi.

Lapisan mantel bumi yang sangat panas menyebabkan molekul karbon bergerak dan bercantum antara satu sama lain. Proses ikatan antara dua molekul karbon ini dinamakan sebagai ikatan kovalen dan membentuk satu pola tertentu yang sangat kuat dan keras. Perjalanan intan berlian dari bawah lapisan bumi ke atas terjadi apabila berlaku sebarang letusan magma naik ke lapisan atas bumi seperti letusan gunung berapi. Apabila

terjadi sebarang letusan dari bawah bumi, segala unsur dan objek yang berada di bawah lapisan bumi akan dibawa naik ke atas dan intan juga akan timbul di lapisan permukaan bumi lalu mengalami proses penyejukan. Intan juga terkenal dengan elemen yang sangat kuat di atas muka bumi berdasarkan skala kekerasan Mohs dan ini menyebabkan intan mempunyai nilai yang sangat tinggi selain daripada kecantikan fizikalnya. Dalam kebanyakan prosa klasik Melayu, penggunaan permata intan sebagai metafora mewakili konsep sesuatu yang bernilai dan cantik. Hal ini bersesuaian dengan cerminan rasa gembira yang dialami oleh seseorang.

Berdasarkan penelitian kepada kedua-dua objek yang dilambangkan di dalam peribahasa ini, falsafah rasa gembira di dalam peribahasa ini ialah rasa ini akan terbit setelah seseorang mengalami satu proses pembelajaran yang sukar, lama dan berliku dan ganjaran rasa gembira akan muncul bagi membayar kembali segala usaha dan pengorbanan yang dilakukan. Peribahasa ini mempunyai falsafah yang sangat tinggi kerana perlambangan intan dan proses pembuatannya yang sangat lama dan menyakitkan namun pengakhirannya ialah batu intan dilihat sangat cantik dan bernilai. Gunung yang digambarkan sebagai pasak kepada sesuatu perkara menjadi falsafah kepada punca dan rasa gembira yang sangat menyeluruh. Rasa gembira ini timbul hasil daripada perlakuan dan pengorbanan yang dilakukannya. Jika benar wujudnya gunung yang bersalut intan, maka tahap kegembiraan individu yang memiliki gunung tersebut tidak dapat digambarkan dengan kata-kata ditambah pula dengan keindahan puncak gunung yang dapat melihat pemandangan yang sangat cantik.

Jadual 2:Peribahasa Berunsurkan Rasa Kasih

Peribahasa	Maksud	Rasa
Bagai hempedu melekat di hati	Kasih sayang yang amat mendalam hingga tidak mahu berpisah.	Kasih
Seperti labah-labah kasihkan (cinta) telurnya	Kasih sayang yang amat sangat sehingga sukar diceraikan.	Kasih
Kasih sepantun tulisan pinggan	Kasih yang abadi	Kasih
Bagai api dengan asap	Kasih sayang yang amat akrab.	Kasih


ANALISIS TAHAP 1

Berdasarkan jadual 2, secara harfiahnya, peribahasa '*bagai hempedu melekat di hati*' membawa maksud 'kasih sayang yang amat mendalam hingga tidak mahu berpisah'. Peribahasa ini selain menggunakan kombinasi anggota badan 'hempedu' dan 'hati' sebagai kiasan dan kombinasi kedua-dua objek ini turut menunjukkan hubungan yang sangat erat dan sukar untuk dipisahkan. Secara mudahnya, bolehlah dikatakan, peribahasa ini jelas menonjolkan rasa kasih dan sayang kerana kedua-dua individu pasti akan bersama-samaketika susah dan senang.

ANALISIS TAHAP 2

Terdapat beberapa proses kognisi masyarakat Melayu yang memotivasikan anggota badan manusia dalam peribahasa tersebut. Pertama, penilaian hempedu itu sendiri yang dianggap sebagai anggota badan yang sangat penting dalam sistem pencernaan manusia. Secara anatominya, hempedu terletak tepat di bawah hati serta ukurannya lebih kecil berbanding dengan hati, iaitu sekitar satu hingga tiga inci. Hempedu juga memiliki dua saluran yang berhubungan dengan hati, iaitu saluran *duktus hepatic* kanan dan *duktus hepatic* kiri. Fisiologi hempedu berfungsi sebagai pusat penyimpanan sementara cairan yang dirembeskan oleh organ hati melalui saluran *epitel polunna*. Cairan yang dirembeskan oleh hati kepada hempedu merupakan lebihan sel darah merah, *bilirubin*, *biliverdin*, dan *urobilin*. Jika diamati fungsi hempedu dalam masyarakat Melayu, hempedu sering ditemui dalam masakan masyarakat Melayu bersama hati seperti haiwan ayam, lembu, dan kerbau. Masyarakat Melayu mempelbagaikan fungsi hempedu haiwan tersebut sebagai ubat-ubatan ataupun makanan. Melalui anatomi dan fisiologi daripada hempedu ini, leksikal hempedu dalam peribahasa tersebut telah

mengkonsepsikan makna “orang yang mengasihi orang lain”. Manakala leksikal hati juga mengalami proses kognitif yang memotivasikan anggota badan manusia tersebut dalam peribahasa ini. Ciri fizikal hati yang berwarna merah gelap serta terletak di atas hempedu dan di bawah diafragma serta mempunyai saiz yang lebih besar berbanding dengan hempedu. Anatomi hati terbahagi kepada empat bahagian, iaitu lobus kanan, lobus kiri, lobus *caudatus*, dan lobus *quadratus*. Fungsi utama organ hati ialah menghasilkan rembesan zat kimia yang penting dalam sistem pencernaan dan metabolisme manusia. Melalui anatomi dan fisiologi daripada organ hati, leksikal hati dalam peribahasa tersebut boleh dikonsepsikan kepada orang yang dikasihi oleh orang lain, manakala bagi leksikal melekat pula digambarkan sebagai satu perasaan dan ikatan yang sukar diputuskan kerana terdapat persamaan konsep tidak terlepas, melekat, dan menempel kepada mana-mana pihak. Kedua-dua organ ini mempunyai persamaan apabila pasangan yang saling kasih mengasihi pasti akan bersama sentiasa daripada sudut fizikal dan pemikirannya. Rajah di bawah merupakan gambaran yang lebih jelas tentang proses yang memotivasikan kognitif masyarakat Melayu terhadap penciptaan peribahasa ini



Rajah 3: Imej Binaan Peribahasa Berunsurkan Rasa Kasih

Peribahasa ini berkisar tentang kasih antara dua pihak dan sukar dipisahkan. Berikut merupakan contoh penggunaan peribahasa tersebut serta huraian proses kognitif yang berlaku dalam minda penutur Melayu berdasarkan penggunaan data korpus.

“Aduhai Ayahanda Bonda Junjungan Anakanda Berenam Menadah Tangan Kepada Allah Kami Serahkan Agar Kesejahteraan Dilimpah ruahkan Kepada Ayahanda *Bonda Tersayang Kasih dan Sayang Kami Luahkan* Hancur Daging Berkisar Tulang Budi dan Jasa Balasan Tuhan Tengku Bendahara Berjiwa Bersih Tengku Puan Seharum Melati *Seorang Sayang, Seorang Kasih, **Bagai Hempedu Lekat Di Hati*** Begitulah Satu Kisah Yang Indah 27 September Mencatat Sejarah Kasih Dan Sayang Tiada Berubah Sentiasa Hidup Diberkati Allah.”

(*‘Loving couple’ di kalangan kerabat diraja. Wanita, 2000*)

Berdasarkan Rangka Rujuk Silang (RRS) bagi peribahasa rasa kasih, iaitu *bagai hempedu lekat di hati* yang bermaksud kasih sayang yang amat mendalam hingga tidak mahu berpisah. Berdasarkan data korpus di atas, terdapat premis tambahan ayat sebelum, iaitu “*Bonda Tersayang Kasih dan Sayang Kami Luahkan*” yang membantu pengkaji memahami maksud peribahasa dan konteks yang digunakan dalam petikan tersebut

berkisarkan tentang rasa kasih dan sayang. Kemudian, pengkaji juga menggunakan maklumat tambahan dalam ayat yang menyatakan “*Seorang Sayang, Seorang Kasih*” yang secara jelas menyatakan bahawa rasa kasih yang diluahkan oleh anak kepada ibunya merupakan rasa sayang. Huraian tersebut sesuai dengan peribahasa *bagai hempedu lekat di hati* yang bermaksud rasa kasih amat mendalam hingga tidak mahu berpisah dengan ibunya jika dilihat dalam konteks ayat tersebut.

ANALISIS TAHAP 3

Konsep hempedu yang merujuk kepada orang yang mengasihi seseorang telah dihuraikan. Namun begitu, persoalan yang berkaitan dengan makna tersirat dalam bahasa Melayu perlu kepada penerokaan ilmu yang lebih mendalam khususnya akal budi dan falsafah orang Melayu. Oleh itu, melalui pendekatan semantik inkuisitif, persoalan ‘kenapa, kenapa, dan kenapa’ menjadi kaedah yang mampu untuk menelusuri dengan lebih mendalam tentang akal budi Melayu serta falsafahnya dalam penciptaan peribahasa *bagai hempedu lekat di hati*. Kasih sayang lahir daripada perasaan cinta dan kasih dalam diri manusia untuk menyayangi antara satu sama yang lain dan masyarakat Melayu sangat menitikberatkan perasaan kasih sayang dalam masyarakat. Oleh itu, kasih sayang bermaksud perasaan halus dan belas kasihan yang timbul daripada hati yang ikhlas terhadap orang lain dan berusaha membantu meringankan bebanan yang dihadapinya (Norita Arifin, 2006).

Berdasarkan peribahasa *bagai hempedu lekat di hati*, pengkaji akan melihat dari sudut fisiologi dan anatominya. Hati dan hempedu merupakan organ badan yang terletak bersebelahan antara satu sama lain. Hati mempunyai fungsi utama dalam tubuh badan manusia terutamanya dalam sistem pencernaan makanan dan kesihatan tubuh badan manusia. Tiga fungsi utama hati ialah ekskresi, metabolik, dan hematologi. Ekskresi adalah proses untuk menyahtoksikkan racun daripada badan dan perembesan cecair hempedu. Metabolik pula merupakan sistem pencernaan makanan yang penting bagi metabolisme manusia. Hematologi pula merupakan proses pembentukan dan pembuangan sel darah merah dalam badan manusia. Kesemua fungsi utama hati ini adalah sangat penting.

Dalam menjawab persoalan tersebut, pendekatan semantik inkuisitif diaplikasikan bagi menghuraikan fenomena ini untuk memahami akal budi penutur dalam memilih hati sebagai perlambangan kepada peribahasa tersebut. Dalam sesuatu hubungan dan khususnya masyarakat Melayu zaman dahulu, orang lelaki sebenarnya adalah orang yang dikasihi dalam sesuatu hubungan. Ini dapat dilihat pada ciri-ciri isteri misali yang menyatakan sesetengah isteri masyarakat Melayu akan melayani suami melebihi seorang raja (Shikin Ali, 2013). Namun, insan yang dikasihi juga berhak untuk mengasihi insan lain seperti mana seorang lelaki yang mengasihi pasangan, keluarga, dan masyarakatnya.

Orang lelaki pada zaman dahulu berhak dikategorikan kepada insan yang dikasihi yang dilambangkan sebagai *hati* kerana fungsi dan peranan mereka dalam sesuatu perhubungan khususnya institusi kekeluargaan. Fitrah hakiki lelaki zaman dahulu adalah menyediakan segala keperluan asas kepada keluarga dan pasangan mereka. Kebanyakan lelaki pada zaman dahulu merupakan seorang pencari nafkah, pelindung dan menjaga keluarga mereka daripada sebarang ancaman bahaya. Namun, hubungan antara perlambangan organ hati dan insan yang dikasihi dilihat melalui fungsi hati yang akan menghasilkan tenaga untuk tubuh badan manusia. Hati merupakan organ yang paling penting dalam proses pencernaan dan penyerapan nutrien dalam tubuh badan manusia. Hasilnya, peranan orang yang dikasihi dan mengasihi akan berbeza dan berkembang dengan cara yang berbeza seperti mana fisiologi dan anatomi hati dan hempedu.

Berdasarkan penelitian dan analisis terhadap peribahasa ini, keadaan tersebut boleh dikaitkan dengan falsafah kehidupan masyarakat Melayu dan falsafah yang mampu dicungkil ialah sifat kepimpinan melalui rasa kasih. Masyarakat Melayu berpandukan budaya agama Islam menganggap bahawa hati ialah raja kepada seluruh anggota badan. Perkara ini jelas melalui hadis daripada Rasulullah SAW yang bermaksud:

Maksudnya: *Sesungguhnya di dalam badan manusia terdapat seketul daging di mana jika baik daging tersebut, maka baiklah keseluruhan anggota badan manusia, jika rosak, maka rosaklah keseluruhan anggota badan manusia, dan ketahuilah seketul daging tersebut adalah hati.*

[Riwayat al-Bukhari (52) dan Muslim (1599)]

Berdasarkan hadis tersebut, hati diumpamakan seperti Sang Raja kepada kesemua anggota tubuh badan. Hati ialah Raja yang mampu mengawal semua aktiviti yang berlaku kepada roh, nafsu, akal, dan lima pancaindera manusia untuk melakukan perkara yang baik mahupun buruk. Perkataan *qalb* yang bermaksud hati diulang sebanyak 168 kali dalam Al-Quran dan perkara ini menunjukkan betapa pentingnya hati kepada manusia. Firman Allah SWT dalam Surah Al- A'raf ayat 179 yang bermaksud:

Maksudnya: *Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai.*

Organ hati merupakan organ pertama yang disebut dalam ayat tersebut dan ini jelas menunjukkan bahawa hati ialah Raja yang akan memimpin anggota lain. Ayat tersebut menegaskan bahawa segala perbuatan baik akan bermula bermula dengan pembentukan hati yang baik dan patuh kepada Allah SWT. Jika hati dan perilaku manusia rosak, maka sistem khalifah dan hamba yang patuh kepada tuhan mereka tidak akan wujud dan manusia akan menjadi seperti haiwan ternakan bahkan lebih teruk daripada itu. Walaupun pada asalnya manusia ini sudah sempurna sifat dan jasadnya, namun jika mengingkari perintah Allah SWT di atas muka bumi ini, mereka masih juga dikategorikan sebagai manusia yang tidak sempurna padahal mereka tidaklah tuli, bisu mahupun buta pancainderanya namun yang buta ialah hatinya kepada petunjuk Allah SWT seperti mana Firman Allah SWT di dalam surah Al Hajj ayat 46 yang bermaksud: “*sesungguhnya bukan mata itulah yang buta, tetapi yang buta adalah hati yang ada di dalam dada*”.

Dengan demikian, falsafah yang dapat dicungkil berdasarkan peribahasa ini adalah sifat kepimpinan dan Sang Raja merupakan fungsi utama dalam rasa kasih oleh masyarakat Melayu. Rasa kasih merupakan sifat dan perasaan yang sangat halus yang lahir daripada hati yang murni untuk membantu dan memudahkan beban terhadap insan yang mengasihinya, (Firdaus, 2015). Leksikal hati tidak dipilih secara arbitrari dalam peribahasa ini kerana akal budi masyarakat Melayu sangat sensitif dan peka terhadap alam sekitar, persekitaran, dan peristiwa di sekeliling mereka. Setiap perkara yang dilambangkan pasti mempunyai fungsi dan melambangkan akal budi masyarakat Melayu yang berpandukan kepada budaya dan agama Islam. Secara kesimpulannya, penggunaan kalimah hati dalam peribahasa dan ayat Al-Quran mempunyai ketinggian konteks dan penjelasan dalam kebolehan merasa kasih, keimanan, dan kesejahteraan dalam patuh kepada perintah Allah SWT.

Jadual 3: Peribahasa Berunsurkan Rasa Sedih


Peribahasa	Maksud	Rasa
Bagai dihiris sembilu	Perasaan yang sangat sedih	Sedih
Sebagai kaca terhempas ke batu	Hati yang hancur kerana dukacita.	Sedih
Tidur bertilam air mata	Sangat sedih	Sedih
Salah adat sakitnya hati	Berdukacita dan sedih	Sedih

ANALISIS TAHAP 1

Berdasarkan jadual 3, secara harfiahnya, peribahasa ‘*bagai dihiris sembilu*’ membawa maksud ‘perasaan yang sangat sedih’. Makna harfiah bagi peribahasa ini tidak sukar untuk difahami kerana makna tersurat mudah difahami melalui ungkapannya sahaja. Berdasarkan penjelasan ini, makna harfiah peribahasa ini jelas menunjukkan bahawa peribahasa ini dicipta kerana persamaan situasi yang melatarinya.

ANALISIS TAHAP 2

Terdapat beberapa proses kognitif yang melambangkan serta proses mengabstrakkan sesuatu elemen dalam peribahasa tersebut. Pertama, berdasarkan penilaian objek sembilu itu sendiri yang dianggap sebagai suatu barang yang sangat tajam dan berbahaya. Sembilu merupakan sebahagian daripada kulit buluh yang mudah dijumpai di kebanyakan hutan di Malaysia. Fungsi sembilu kepada masyarakat Melayu dahulu sangat pelbagai dan merupakan salah satu cara kelangsungan hidup mereka. Namun, fungsi yang jelas dapat dilihat daripada sembilu adalah untuk memotong sesuatu benda. Dalam hal ini, leksikal sembilu dalam peribahasa tersebut telah mengkonsepsi makna situasi yang pedih dan menyakitkan. Jika dihemat dengan lebih mendalam, sembilu merupakan sebahagian daripada tumbuhan buluh telah menjadi salah satu senjata ataupun alat memotong. Berdasarkan adat orang Melayu pada zaman dahulu khususnya masyarakat Melayu hamparan Perak, sembilu sering digunakan untuk memotong tali pusat bayi ataupun memotong daging haiwan untuk dijadikan makanan harian. Hal ini demikian kerana sembilu lebih tajam daripada pisau moden zaman kini. Jadi tidak hairanlah jika sembilu juga digunakan sebagai senjata perlindungan masyarakat Melayu zaman dahulu. Oleh yang demikian, sembilu dalam peribahasa ini telah dilambangkan sebagai peristiwa yang pedih dan menyakitkan. Kemudian, bagi leksikal dihiris pula digambarkan sebagai bekas dan kesan daripada peristiwa yang menyakitkan kerana melihat persamaan kepada konsep hasil potongan sesuatu benda dan perkara yang akan meninggalkan kesan dan bekas potongan tersebut. Sama seperti apabila individu yang sedih pasti akan meninggalkan kesan sakit dan pedih dalam diri individu tersebut. Rajah di bawah merupakan gambaran yang lebih jelas tentang proses yang memotivasikan kognitif masyarakat Melayu terhadap penciptaan peribahasa ini.



Rajah 4: Imej Binaan Peribahasa Berunsurkan Rasa Sedih

Peribahasa ini berkisar tentang rasa sedih. Berikut merupakan contoh penggunaan peribahasa tersebut serta huraian proses kognitif yang berlaku dalam minda penutur Melayu berdasarkan data korpus.

Cikgu Salam berasa dirinya beruntung ketika hatinya masih dihiris sembilu duka lantaran kematian isteri tercinta dua bulan lalu. Harapannya dengan menyertai rombongan PPG, hatinya yang luka akan segera sembuh. Tetapi harapan tidak menjanjikan sebarang kemungkinan. Rasa sedih itu tetap terbawa-bawa hingga dia menjadi peserta yang pendiam dan menyendiri.

(Osman Ayob. Kumpulan Cerpen - Melamar Rindu. Sastera, 2017)

Petikan di atas menunjukkan Rangka Rujuk Silang (RRS) bagi peribahasa yang berdomainkan rasa sedih. Peribahasa “*bagai dihiris dengan sembilu*” merujuk kepada seseorang yang sangat sedih. Jika dirujuk kepada konteks petikan di atas, peribahasa tersebut merujuk kepada rasa sedih cikgu Salam. Premis tambahan pada ayat yang sama yang mengatakan bahawa *kematian isteri tercinta* memperkuat lagi peribahasa tersebut kepada rasa sedih cikgu Salam. Premis tambahan dan penjelasan pada ayat berikutnya yang menyatakan *hatinya yang luka akan segera sembuh* menguatkan lagi makna peribahasa rasa sedih kepada cikgu Salam yang sedang mengalami kelukaan hati akibat kehilangan isterinya

ANALISIS TAHAP 3

Berdasarkan huraian makna daripada tahap satu dan tahap dua terhadap peribahasa *bagai dihiris sembilu*, konsep sembilu merujuk kepada situasi yang pedih dan menyakitkan seseorang telah dihuraikan. Tahap ketiga yang menggunakan pendekatan semantik inkuisitif akan meneroka dan memahami makna tersirat yang telah terbentuk melalui akal budi dan falsafah Melayu terhadap penciptaan peribahasa ini.

Pengkaji akan melihat daripada aspek falsafah dan akal budi masyarakat Melayu terhadap buluh itu sendiri. Dalam keadaan geografi alam Melayu, buluh mudah didapati di kawasan hutan lembap dan kawasan yang berhampiran dengan lembah sungai, kawasan tanah rata, dan kawasan lereng bukit serta sangat sukar dijumpai di kawasan paya dan tanah berlumpur. Tanaman buluh masyarakat Melayu dahulu mudah dijumpai dari paras laut sehingga kira-kira 1000meter tinggi. Buluh mudah dijumpai berhampiran dengan kawasan sungai kerana terdapat saluran air yang sangat baik untuk tanaman buluh dan tanah pasir peroi sehingga tanah liat peroi. Tanaman buluh juga memerlukan tanah yang berasid dan mempunyai tahap keasidan khusus, iaitu purata pH 5.0 - 6.5. Tanaman buluh alam Melayu tergolong dalam kumpulan pertumbuhan secara simpodial, iaitu secara berumpun kerana alam Melayu termasuk dalam iklim tropika.

Masyarakat Melayu menggunakan buluh dalam aspek sosioekonomi, pengangkutan, dan pembinaan rumah kerana buluh mempunyai ciri-ciri istimewa yang tersendiri seperti tempoh matang yang cepat dengan memakan masa hanya tiga hingga lima tahun, menyerap 35 peratus karbon dioksida berbanding dengan pokok dan tumbuhan yang lain serta sifat fizikalnya yang mampu menahan gegaran yang kuat kerana mempunyai fleksibiliti dan daya luntur yang sangat kuat. Ciri istimewa tersebut juga menyebabkan buluh digunakan sebagai salah satu senjata alam melayu zaman dahulu, iaitu panah. Hal ini tercatat dalam teks *Sulalatus Salatin* yang merekodkan bahawa buluh sering digunakan sebagai busur panah dan anak panah.

Pada hari Raya Aidilfitri pula, masyarakat Melayu dahulu menggunakan buluh sebagai antara bahan utama dalam membuat lemang dan akal budi Melayu sembilu dan buluh sebenarnya saling berkait rapat. Ketinggian akal budi Melayu bagi sembilu dapat dilihat daripada proses melejang. Hasil lemang yang dibuat daripada santan dan beras ibarat ikatan kuat antara ahli keluarga. Lemak daripada santan mampu melembutkan ketegangan daripada pulut nasi. Situasi ini dikonsepsikan sebagai generasi tua yang memberi nasihat kepada generasi muda yang mempunyai darah panas dan sentiasa berada dalam keadaan ingin mencuba pelbagai perkara. Lemang tersebut kemudiannya biasa dimakan bersama rendang yang pedas. Perkara ini difalsafahkan sebagai asam garam hidup keluarga yang akan menempuh pelbagai cabaran dan tanpa cabaran ini ibarat hilangnya salah satu nikmat hidup.

Antara perkara penting dalam memasak lemang ialah daun pisang. Beras dibalut bersama daun pisang supaya lemang tidak terkena sembilu buluh yang sangat tajam. Sembilu yang sering digunakan sebagai senjata akan menyebabkan rasa sakit yang teramat sangat jika terkena. Hal ini dibuktikan melalui cara pembuatan lemang. Hasil lemang yang diasosiasikan sebagai ikatan kuat antara ahli keluarga akan mengalami kesakitan yang amat sangat jika terkena sembilu buluh. Kesakitan yang sering dikaitkan dengan keluarga banyak kepada rasa sedih jika ahli keluarga berpecah atau berlaku kematian.

Sembilu buluh juga digunakan oleh masyarakat Melayu zaman dahulu sebagai alat senjata pemotong dan perkara ini juga boleh difalsafahkan sebagai memotong hubungan kekeluargaan, persahabatan, dan persaudaraan. Hal ini demikian kerana sembilu akan digunakan dalam memotong tali pusat bayi dan tentunya perasaan yang sangat sedih akan menimpa seseorang jika tali kasih sayang dan silaturahim yang dibina dipotong akibat pergaduhan, perpisahan ataupun kematian.

Dalam pegangan adat Melayu yang berpandukan Al-Quran juga menyatakan tentang kecaman Allah kepada orang yang memotong hubungan silaturahmi antara keluarga, saudara dan kawan. Firman Allah SWT di dalam Surah Muhammad, ayat 22 dan 23 yang bermaksud:

"(Kalau kamu tidak mematuhi perintah) maka tidakkah kamu harus dibimbangkan dan dikhuatirkan jika kamu dapat memegang kuasa kamu akan melakukan kerosakan di muka bumi dan memutuskan hubungan kekeluargaan? (Ayat 22) Mereka itulah orang-orang yang dikutuk oleh Allah, lalu dibuat tuli (pendengarannya) dan dibutakan penglihatannya. (Ayat 23)

Di sini sudah jelas bahawa Allah SWT mengecamtindakan orang yang memutuskan sesuatu hubungan kerana perkara ini jelas membuatkan pihak yang tersakiti mengalami kesedihan yang melampau dan akan menyebabkan kesan yang mendalam kepada hidup mereka. Oleh itu, berdasarkan tafsiran akal budi menggunakan pendekatan semantik inkuisitif ini, peribahasa *bagai dihiris sembilu* bukanlah sekadar merujuk kepada perasaan yang sangat sedih atau kecewa kerana sesuatu perkara, namun mempunyai falsafah yang tersirat, iaitu memutuskan sesuatu hubungan antara dua pihak yang akan menyebabkan satu pihak mengalami kesedihan yang nyata dan berpanjangan.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian terhadap peribahasa yang berunsurkan rasa gembira, kasih dan sedih, didapati bahawa masyarakat Melayu zaman dahulu sangat kreatif dan memiliki pemikiran yang kritikal dan menggambarkan ketinggian akal budi Melayu. Bijak dan cekap menganalisis pelbagai objek, anggota badan dan flora fauna sehingga mampu melambangkan kepelbagaian perkara tersebut terhadap peribahasa yang mengandungi maksud dan perasaan. Hal ini menunjukkan bahawa prosa klasik Melayu tidak boleh dipandang rendah dan sebelah mata sahaja kerana ketinggian akal budi di dalam setiap prosa klasik tersebut pasti memberikan manfaat dan panduan kepada generasi kini. Oleh itu, kajian tentang semantik inkuisitif dan pelbagai prosa klasik haruslah diperluaskan agar dapat mencungkil dan memahami adat dan akal budi masyarakat Melayu.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan, "Bahasa Kiasan" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 37:10, hlm. 907–13, 1993. Adham, D. (1981). *Salasilah kutai*. Proyek Penerbitan Buku Sastra Indonesia dan Daerah.
- Ahmad, H. (2003). Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan Membentuk Epistemologinya. *Akademi Kajian Ketamadunan*. Published.
- A.Hj. Riau, A., Mohd, R., & M.Nor, Y. (1984). *Salasilah Melayu dan Bugis*. Fajar Bakti
- Ali, S. (2013). *Isteri Mithali: Satu kajian persepsi isteri dalam novel dan masyarakat Melayu*. Tesis Sarjana (tidak diterbitkan). National University of Singapore, Singapura.
- Azma Zainon Hamzah, Z., & Fuad Mat Hassan, A. (2011). Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. *GEMA Online* <sup>TM Journal of Language Studies, <i>11(3), 31–51. Retrieved from <https://ejournal.ukm.my/gema/article/view/40>
- Charteris-Black, J. (2000). Figuration, lexis and cultural resonance A corpus based study of Malay. *International Pragmatics Association*, 10(3), 281–300. <https://doi.org/10.1075/prag.10.3.02cha>
- Edward, D. (1985). Memahami dan Menghargai Peribahasa. *Jurnal Dewan Bahasa*, 29(5), 338–344. Hashimah Hj. Jalaluddin, N. (1992). Ganti nama Melayu Sarawak: Analisis Teori Linguistik. *Akademika*, 40(1), 19–38. Retrieved from <https://ejournal.ukm.my/akademika/article/view/3518>
- Hashimah Jalaluddin, N., & Kasdan, J. (2010). Remaja Malaysia dan Peribahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*, 10, 158–172. Retrieved from <https://ejournal.plm.org.my/index.php/jurnallinguistik/article/view/167/147>

- Hassan, H. (2016). Penginterpretasian Peribahasa dan Hubungannya dengan Kemahiran Berfikir: Analisis Berdasarkan Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*, 16(1), 94–119. Retrieved from <http://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/4251>
- Ho-Abdullah, I. (2011). Analisis Kognitif Semantik Peribahasa Melayu Bersumberkan Anjing (Canis Familiaris). *GEMA Online* <sup>TM Journal of Language Studies, <i>11(1), 125–141. Retrieved from <https://ejournal.ukm.my/gema/article/view/71>
- Ibrahim, A., & Hassan Hasbullah, A. (2015). *Eстетika rasa dalam filem arahan dan lakon oleh P. Ramlee: analisis terhadap filem Penarek Beca (1955)*. Retrieved from <http://umkeprints.umk.edu.my/id/eprint/5095>
- Kasdan, J., Hashimah Jalaluddin, N., & Nurasikin Wan Ismail, W. (2016). Ikan (pisces) dalam peribahasa melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 4(1), 31–42. <https://doi.org/10.17576/IMAN-2016-0401-03>
- Mahmood, A., Azma, Z., Azuwan, N., & Che Su, N. (2011). Pengetahuan Makna Peribahasa dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *JURNAL LINGUISTIK*, 13, 1–16. Nathesan, S. “Simpulan Bahasa: Satu Tinjauan dari Sudut Makna” dlm. *Dewan Bahasa*, November 1998, hlm. 985–94.
- Nopiah, J., Hashimah Jalaluddin, N., & Kasdan, J. (2017). Elemen dualisme dalam peribahasa: Pendekatan semantik inkuisitif. *JURNAL ANTARABANGSA DUNIA MELAYU*, 10(1), 66–88. Retrieved from <http://jurnal.dbp.my/index.php/Melayu/article/view/4457>
- Norita Ariffin. (2006). *Nilai-Nilai Budi Masyarakat Melayu dalam Pantun*. Projek Akhir Ijazah Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Oktarilla Murti, P., Totok Priyadi, A., & Wartiningsih, A. (2019). EMOSI TOKOH DALAM NOVEL AKU, BENCI, DAN CINTA KARYA WULANFADI TINJAUAN PSIKOLOGI SASTRA. *JURNAL PENDIDIKAN DAN PEMBELAJARAN KHATULISTIWA*, 8(9). <https://jurnal.untan.ac.id/index.php/jpdpb/article/view/35921>
- Othman, R. (2011). *Peluasan makna pancaindera hidung, mata dan mulut dalam melayu: Kajian semantik Kognitif* (Tesis Phd. tidak diterbitkan). Program Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Osman Ayob. (2017). Kumpulan cerpen Melamar Rindu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Rahmatullah, A. S. (2017). Konsepsi pendidikan kasih sayang dan kontribusinya terhadap bangunan psikologi pendidikan Islam. *LITERASI (Jurnal Ilmu Pendidikan)*, 5(1), 29–52. [https://doi.org/10.21927/literasi.2014.5\(1\).29-52](https://doi.org/10.21927/literasi.2014.5(1).29-52)
- VanZuidam, R.A. (1985). *Aerial photo interpretation in terrain analysis and geomorphological mapping* Enschede, The Netherlands: ITC.